

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pengeluaran Ternakan (Amali) ini mengandungi Dua bahagian iaitu bahagian A mempunyai lapan soalan sementara bahagian B mengandungi Dua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah Satu jam tiga puluh minit untuk setiap Sidang. Wajaran markah untuk bahagian A ialah 25 manakala wajaran markah bagi bahagian B ialah 25. Dengan itu, Jumlah markah keseluruhan adalah 50. Semua soalan untuk kedua-dua bahagian wajib dijawab oleh calon.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon adalah pada tahap memuaskan. Calon dapat menjawab soalan menepati kehendak dan konsep kerana kemahiran pemikiran yang agak memerangsangkan. Calon juga dapat melabel/menanda tepat pada rajah. Tugas kerja amali (Penyediaan Rumput Sila) didapati memuaskan dan menepati kehendak sukatan mata pelajaran.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami halatujunya untuk memperolehi markah yang baik dengan mengemukakan jawapan/Tugasan Amali (soalan 1 bahagian B) dengan hasil kerja yang sempurna,terperinci serta jelas dan juga memerangsangkan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Huraian jawapan calon terdapat sedikit kecacatan kerana jawapan tidak dijawab dengan tepat dan jelas.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan yang dikemukakan.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian A****Soalan 1**

Secara keseluruhannya,calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana terdapat gambarajah yang jelas dikemukakan. Kelemahan calon ialah mereka membiarkan jawapan kosong tanpa menulis apa-apa begitu juga dengan kesilapan iaitu tiada mencatat sebarang jawapan. Calon perlu lihat gambar rajah dan mengaitkan dengan pelajaran yang diajar

Soalan 2

Secara keseluruhannya, calon dapat memberi jawapan dengan jelas memandangkan ia berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar dan terdapat gambar rajah yang diajarkan. Kekuatan calon ialah ia dapat membezakan gambar rajah berkaitan dengan memberi jawapan yang tepat. Kelemahan calon didapati tidak mengisi apa-apa jawapan.

Kesilapan yang sering berlaku adalah tulisan yang tidak dapat dibaca oleh Pemeriksa kertas. Sementara kehendak soalan menekankan pemerhatian gambar rajah untuk berkaitan maklumat.

Soalan 3

Secara keseluruhannya calon boleh mengaitkan dengan menghafal pemerhatian dan kesimpulan untuk sesuatu ujian susu lembu dengan baik. Kekuatan calon adalah dalam melengkapkan bentuk jadual semasa kelas Amali dilaksanakan.

Kelemahan calon ialah tiada menghafal isi kandungan pelajaran manakala kesilapan yang seringkali ditemui adalah jawapan berbentuk soalan yang ditanya balik sebagai jawapan manakala kehendak soalan ialah untuk menghafal apa sahaja pemerhatian semasa kerja Amali dijalankan.

Soalan 4

Secara keseluruhannya calon menjawab soalan secara sederhana kerana mereka takut dengan perkiraan khasnya. Kekuatan calon ialah di kalangan mereka boleh menjawab dengan baik. Kelemahannya ialah terdapat segelintir calon tidak melakukan rekod pengeluaran telur ayam, dengan itu mereka ini tidak tahu menjawab soalan ini.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon tinggalkan kosong jawapan mereka. Bagi kehendak soalan ini jelas menanya perhitungan rekod pengeluaran telur ayam, ia begitu jelas menyoyal rutin kerja harian di reban ayam Penelur.

Soalan 5

Secara keseluruhannya, calon menjawab soalan ini dengan tahap sederhana sahaja. Kekuatan calon ialah mereka sudah pernah melakukan kerja ini dalam kelas amali. Kelemahan calon ialah mereka tidak boleh kaitkan soalan yang ditanya dengan apa yang dikerjakan semasa waktu Amali dijalankan.

Kesilapan yang seringkali ditemui adalah tidak hafal semasa kelas Pembelajaran dan Pengajaran diadakan. Kehendak soalan berkenaan dengan Penyakit ikan air tawar melalui pemerhatian dan ujikaji di makmal diadakan untuk merawat ikan dengan menggunakan bahan kimia dan dikehendaki melengkapkan jadual dengan mengaitkannya.

Soalan 6

Secara keseluruhannya, calon boleh menjawab dengan memuaskan, Kekuatan calon ialah calon perlu hafal symptom penyakit ternakan kambing sementara kelemahan calon ialah tiada menulis apa-apa jawapan.

Kesilapan yang seringkali ditemui adalah calon kaitkan dengan penyakit ayam. Kehendak soalan ialah hafal tanda penyakit pada ternakan Kambing dan ia telah memberikan simptom penyakit serta bentuk skop soalan berkaitan dengan kelas Amali semasa pemerhatian kelas.

Soalan 7

Secara keseluruhannya, calon perlu melukiskan kolam ikan bersama paip saluran masuk dan keluar serta benteng. Pencapaian calon pada soalan ini adalah sedikit tinggi dari tahap kesederhanaan. Kekuatan calon ialah mengetahui pemahaman konsep lakaran dan boleh melabelkannya. Kelemahan calon adalah tidak dapat menggambarkan lukisan kolam air.

Kesilapan yang seringkali ditemui ialah calon menjawab berkenaan dengan kolam lencungan atau selari. Kehendak soalan adalah berkaitan dengan kelas Amali di jalankan di sekitar kolam ikan, saluran paip dan Benteng dan juga berkehendakkan label keatas lakaran yang di bentuk supaya calon dapat mengetahui pemahaman konsep soalan yang ditanya.

Soalan 8

Secara keseluruhannya, calon boleh menjawab soalan ini dengan memuaskan. Kekuatan calon ialah perlu hafal bahan kimia dalam pengurusan ternakan Lembu. Kelemahannya adalah tidak tahu fakta berkenaan dengan soalan yang ditanya.

Kesilapan yang sering ditemui adalah nama bahan kimia untuk pengurusan ternakan Lembu. Kehendak soalan adalah berkaitan dengan kegunaan bahan kimia dalam pengurusan lembu.

Bahagian B

Soalan 1

Secara keseluruhannya, calon berupaya menyudahkan bahan kerja dengan baik dan memuaskan dan ianya menepati kehendak sukatan pelajaran untuk membantu calon bagi memperolehi markah yang tinggi kerana soalan ini memang betul-betul menguji kemahiran.

Penyediaan rumput silaj bermutu dengan gula merah, baja dan kuantiti air yang terhad manakala pecahan b dan c menguji matlamat penggunaan dan ciri Silaj (rumput Peram) semasa amali melakukannya serta memerlukan pemerhatian fizikal dan mental di samping calon mempunyai fakta untuk dihafal.

Soalan 2

Secara keseluruhannya, calon boleh menjawab dengan memuaskan kerana ia merupakan kajian pemerhatian secara teliti pada spesimen yang di pameran tetapi soalan a pecahan iii adalah soalan aplikasi dan perkiraan sementara soalan b merupakan hafal dan soalan c mengenai aplikasi semasa melakukan pengurusan di reban ayam.

SARANAN KEPADA CALON

1. Fakta perlu difahami dengan betul dan mengikuti aturan supaya ianya boleh diperjelaskan secara mendalam dan terperinci kepada calon berdasarkan perenggan soalan masing.
2. Calon jangan membiarkan sesuatu ruangan jawapan itu kosong, jika boleh, tuliskan sesuatu yang berkaitan dengan topik yang ditanya atau jawapan bolehlah disokong dengan perkataan Kunci, Gambarajah dan penerangan yang berasaskan atau mirip pada soalan yang dikemukakan.
3. Jawapan calon janganlah terlalu panjang kerana ini akan mengelirukan Pemeriksa.
4. Membaca dan memahami kehendak soalan dengan teliti sebelum menjawab
5. Menggunakan masa yang disyorkan untuk menjawab atau membuat kerja Amali bagi soalan 1 Bahagian.B

SARANAN KEPADA GURU

1. Jawapan calon hendaklah mempunyai huraian yang lebih terang, jelas dan perkataan Kunci untuk setiap soalan yang dikemukakan.
2. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
3. Mendedahkan kepada calon pendekatan soalan dengan teknik yang betul
4. Membuat latihan bertulis bagi setiap kerja Amali yang dijalankan.